

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021 NEGERI JOHOR

SULIT

KERTAS 2

1103/2

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

### SOALAN 1 : MORFOLOGI

*Petikan di bawah mengandungi beberapa kata nama terbitan. Baca petikan dengan teliti dan senaraikan empat kata nama terbitan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, memukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Jintan manis ialah bahan sayuran kering yang boleh digunakan sebagai perisa makanan. Jintan manis berasal dari selatan Eropah dan wilayah Mediterranean. Jintan manis boleh tumbuh di kawasan beriklim sederhana atau subtropika, terutamanya di kawasan tanah kering dan pinggir kawasan pantai berpasir. Jintan manis ialah tanaman jangka panjang yang boleh hidup dan bercambah di mana-mana sahaja. Tinggi pokok jintan manis kira-kira dua meter dengan bunga yang berwarna kuning. Hasil kajian membuktikan bahawa jintan manis ialah tumbuhan yang memiliki pelbagai potensi dalam rawatan manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kecil-kecil Jintan Manis,'  
Oleh Diviya Devaraj  
Dewan Kosmik, Julai 2021

[8 markah]

### SOALAN 2 : SINTAKSIS

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kuih tradisional merupakan salah satu identiti negara Malaysia. Aneka kuih tradisional telah menjadi sumber tarikan pelancong dalam dan luar negara. Namun begitu, kuih yang berasal daripada negara Barat telah menjadi tular dan kian digemari. Contohnya, Kek Krim Keju. Kek ini sering dihidangkan sebagai pencuci mulut di hotel ternama. Hal ini menyebabkan kuih tradisi seperti kuih seri muka dan wajik semakin dilupakan. Sewajarnya kita mencontohi masyarakat Jepun yang sentiasa berbangga dengan sajian makanan warisan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kuih Tradisional Tempatan diancam Kepupusan'  
Oleh Mudiana Mokhsin, Dewan Budaya, Mei 2021

[6 markah]

### SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan 1 dan petikan 2 di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan enam kesalahan bahasa dalam petikan 1 dan lima kesalahan bahasa dalam petikan 2. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

#### Petikan 1

Sambutan ulangtahun kemerdekaan Malaysia pastinya mempunyai makna yang mendalam. Hanya anak watan yang mengerti dan mempunyai rasa cinta akan tanah air sahaja dapat mentaksirkan maksud kemerdekaan dengan tepat. Sambutan ini diwarnai dengan pengisian sejarah perjuangan rakyat berbilang kaum di Malaysia dalam tuntutan kemerdekaan yang turut diselang selikan dengan pelbagai program-program yang bersifat patriotik dan kenegaraan. Semangat patriotisme perlu dimekarkan sepanjang zaman agar dapat melahirkan rakyat yang lebih sepakat dan bertoleransi. Rakyat juga hendaklah berganding bahu dalam pengekalan keharmonian, kemakmuran dan kedaulatan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Saya Sayang Malaysia!'  
Oleh Samat Buang  
Dewan Siswa, Ogos 2020

[6 markah]

#### Petikan 2

- Adam : Syabas Ammar di atas kemenangan awak dalam pertandingan e-sukan baru-baru ini! Bolehkah awak terangkan pada saya maksud e-sukan?
- Ammar : Terima kasih. E-sukan merupakan satu sukan yang menggunakan pelantar elektronik interaktif iaitu permainan video, untuk menyaing dengan individu-individu lain secara dalam talian.
- Adam : Wah, menarik juga e-sukan ini! Apakah kategori e-sukan yang sering dipertandingkan?
- Ammar : Antara genre permainan video yang sering dipertandingkan dalam e-sukan termasuklah permainan strategi, tembak-menembak, pertempuran satu lawan satu dan arena terbilang pemain secara dalam talian.
- Adam : Terima kasih Ammar atas penerangan ini. Saya doakan awak terus berjaya menjadi atlit e-sukan suatu hari nanti.
- Ammar : Sama-sama.

[5 markah]

#### SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, “Mati engkau, Cau Pandan.”

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, “Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat.”

Dipetik daripada  
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam Antologi Sejadah Rindu,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

#### SOALAN 5: PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian senaraikan dua peribahasa yang terdapat dalam petikan dan berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Pak Abu dan Mak Kiah telah bertungkus lumus menyara persekolahan anak bongsunya, Suhana sehingga dia berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya. Mereka juga telah membesarkan Suhana dengan penuh kasih sayang kerana Suhana merupakan buah hati dalam keluarga mereka. Kesempitan hidup tidak menghalang mereka untuk mencari jalan dan berusaha memenuhi segala keperluan Suhana sehinggalah dia berjaya menamatkan pengajiannya. Walaupun sibuk dengan pekerjaannya, Suhana selalu pulang ke kampung menemui kedua-dua ibu dan bapanya kerana dia tidak mahu dianggap seperti kacang lupakan kulit oleh rakan-rakannya.

[4 markah]



## BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

### SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

Penjawat awam perlu mempunyai integriti. Integriti berkait rapat dengan jati diri merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan melaksanakan *amalan terbaik*. Seorang penjawat awam, diwajibkan mengisytiharkan harta diperoleh sebelum dilantik dan ketika berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Biasanya penjawat awam diminta berbuat demikian ketika mula melaporkan diri di jabatan kerajaan dan memperbaharuiinya setiap lima tahun. Perkara ini penting untuk memastikan seseorang penjawat awam dapat mewujudkan persekitaran yang berintegriti untuk membolehkan pelaksanaan setiap dasar dan program berjalan lancar.

Selain itu, penjawat awam juga disarankan untuk menghadiri program integriti anjuran SPRM. Program ini menyediakan input dan penghayatan ke arah ikrar integriti bagi menjelaskan peranan dan fungsi SPRM. Seterusnya, program ini dapat memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM di samping meningkatkan pengetahuan penjawat awam berkaitan SPRM.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Integriti Cerminan Personaliti Pemimpin'  
oleh Prof Datuk Dr Ismail Sualman,  
Berita Harian Online, 15 Mac 2020.

#### Bahan 2

Dua tahun lalu para peserta kursus pegawai integriti bertauliah dibawa melawat Bandar Raya Melaka Bersejarah. Semasa sedang berbual-bual dengan pengendali bot persiaran, beliau ditanya sama ada penumpang boleh cuba mengendali bot. Jawapan tegas beliau: "Tidak boleh encik, ini tugas saya. Keselamatan anda kami kena jaga". Sikap menunaikan amanah dan komitmen dengan tugas pengendali bot itu mencerminkan nilai integriti yang beliau amalkan dalam memastikan nyawa penumpang sentiasa menjadi keutamaan. Sifat-sifat sedemikian merupakan antara ciri yang perlu ada dalam diri seseorang pekerja, tidak kira di mana-mana mereka bekerja.

Jelasnya, ada banyak contoh yang boleh dikongsikan apabila membicarakan budaya integriti. Buktinya, sebahagian besar pekerja yang berjumlah 10 juta orang di negara ini sentiasa mengutamakan nilai-nilai integriti sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada yang tersurat atas nama undang-undang atau kod etika kerja. Mereka membudayakan amalan integriti sepanjang masa.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Jangan Pandang Mudah Integriti di Tempat Kerja,'  
oleh G Manimaran,  
Astro Awani Online, 01 Mei 2018.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *amalan terbaik*.

(2 markah)

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara yang perlu dilakukan oleh seseorang pekerja untuk mewujudkan persekitaran dan budaya berintegriti?

(3 markah)

(iii) Usaha melahirkan seorang pemimpin berkualiti yang memiliki bersifat jujur, amanah dan bertanggungjawab perlulah dipupuk bermula daripada peringkat sekolah lagi.

Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin murid yang berkualiti?

(3 markah)

(iv) Anda bertugas di sebuah jabatan kerajaan. Anda dapati seorang rakan sepejabat anda sering datang lewat dengan memberikan pelbagai alasan. Rakan anda ini telah diberikan teguran oleh ketua jabatan dan akan diambil tindakan jika masih mengulangi sikap yang sama.

Sebagai rakan sekerja yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu rakan anda menepati masa bekerja?

(4 markah)

## Soalan 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS

Kuhantar kau mengecapi angin baru  
udara lain dari kampung bendang kuningmu  
bumantara asing dari yang sering kaumesrai  
yang sama sekali berbeza  
dengan suasana suntimu  
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu  
memesrai azimat dan tangkal  
dari tangga gading.

Kulepaskan kau menjadi burung putih  
dengan sayap berkembang  
menongkah awan perak dan kabut kabut dingin  
mengenal kalimah hujan dan bilah petir  
menyelit antara sembilu nasib  
dan waras akal.

*Belati Cinta Zulaikha, 2004*  
Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.  
Antologi Sejadah Rindu  
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

### Bahan 2

#### PANTUN ILMU

Cantik teluk pantainya landai,  
Tambat perahu tepi kuala,  
Biar buruk kain dipakai,  
Asalkan ilmu penuh di dada.

Kain songket benang sutera,  
Lipat sebelit buat selepang,  
Ilmu yang banyak ibarat cahaya,  
Walau sedikit menjadi terang.

Akar keranji dikerat-kerat,  
Campur halia dibuat jamu,  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berilmu.

*Sumber Internet*

[Lihat halaman sebelah



### Bahan 3

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelut globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bahasa itu *cermin maruah* kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsi’  
Oleh Husna Nazri  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud *cermin maruah*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan pesanan-pesanan yang disampaikan oleh penulis tentang ilmu. [4 markah]
- (iii) Dalam **Bahan 1**, ada menyatakan bahawa kita hendaklah menuntut ilmu hingga ke menara gading walaupun terpaksa menghadapi cabaran dan kesukaran.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh mahasiswa universiti untuk mengatasi pelbagai cabaran dan kesukaran sepanjang pengajian?

[3 markah]

- (iv) Rakan sekelas anda selalu mengeluh kerana tidak dapat memberikan idea semasa aktiviti perbincangan di dalam kelas walaupun ibu bapanya telah menyediakan kemudahan bahan bacaan dalam pelbagai ilmu pengetahuan di rumahnya. Selain itu, dia juga mempunyai abang dan kakak yang bekerja sebagai guru.

Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk memastikan rakan anda dapat memanfaatkan sumber ilmu yang ada di persekitarannya?

[4 markah]

## SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Haji Jamil tersenyum puas apabila melihat persiapan yang telah dibuat oleh anak-anak buahnya. Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif ternyata menjadi orang yang agak sibuk pada malam itu, bahkan sejak petang tadi.

Petang tadi, Haiqal turut membantu kerja-kerja memperkemas balai raya. Dia ikut serta menyusun kerusi-kerusi plastik dan menyiapkan meja jamuan untuk tetamu khas di dalam balai raya. Tidak terkecuali, See Hwa yang sama-sama mengemas bahagian dalam balai raya itu agar kelihatan cantik dan rapi. Ambal di dalam balai raya juga turut disapu dan divakum.

Di bahagian belakang balai raya, penduduk kampung itu sibuk bergotong-royong memasak makanan untuk hidangan para tetamu pada malam ini. Menu yang telah dipersetujui ialah nasi jagung, kurma daging kambing dan daging lembu, ayam masak merah serta dalca.

Dipetik daripada Novel Silir Daksina  
Karya Nizar Parman  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan persiapan-persiapan untuk menyambut kedatangan tetamu khas ke balai raya.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Disebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaimi Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- e) Songket Bebenang Emas, karya Khairudin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan peristiwa-peristiwa yang membanggakan anda sebagai pembaca.

[Lihat halaman sebelah



## BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

### SOALAN 9: RUMUSAN

Baca petikan dan grafik di bawah dengan teliti, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan sajak..

#### Bahan 1

Amalan berdiet boleh didefinisikan sebagai seseorang yang mengamalkan pemakanan tertentu, berpantang atau menghadkan pengambilan makanan bagi tujuan penjagaan kesihatan atau kecantikan. Umumnya pengamalan diet bergantung pada tujuan yang ingin dicapai. Oleh hal yang demikian, pengamalan diet akan berbeza-beza mengikut matlamat seseorang. Seseorang itu seharusnya mengikuti diet yang disarankan oleh pengamal perubatan sekiranya ingin menjaga penampilan dan kesihatan diri. Apabila seseorang itu mengamalkan diet yang betul, sudah pasti tubuh badan akan berada dalam keadaan sihat dan bebas dari sebarang penyakit berbahaya.

Tidak dapat dinafikan, kebanyakan masyarakat hari ini mengamalkan diet hanya untuk kelihatan cantik semata-mata. Dalam hal ini, setiap individu seharusnya mengelakkan diri daripada mengamalkan diet yang berbahaya kepada kesihatan seperti pengambilan ubat-ubatan terlarang dan krim kurus yang tidak diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan yang sememangnya banyak dijual secara terbuka di laman sosial. Sebaliknya, pengamal diet perlu akur bahawa diet yang berkesan hendaklah diimbangi antara pengambilan makanan dan aktiviti berbentuk fizikal. Pengambilan makanan yang seimbang dan aktiviti fizikal yang berterusan, pastinya dapat membantu seseorang itu mengekalkan bentuk badan yang ideal malah berupaya memberikan kecantikan yang diimpikan.

Selain itu, amalan diet yang berkesan memerlukan seseorang itu merancang pemakanan secara berjadual dan teratur. Keperluan pemakanan seseorang juga berbeza-beza bergantung kepada usia, jantina dan aktiviti fizikal seseorang. Pada masa yang sama, seseorang itu perlu melakukan pelbagai aktiviti fizikal setiap hari seperti berjoging, berjalan pantas dan aktiviti berkebun di rumah. Hal yang demikian, pengamalan aktiviti fizikal dan diet yang seimbang berupaya merangsang otak untuk menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan kerja seharian. Sesungguhnya, amalan diet yang sihat merupakan kunci kepada kesihatan yang berkekalan dan kecantikan secara dalaman mahupun luaran.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Sihat Semestinya Cantik'

Oleh Mohamad T. Abdullah,

Dewan Siswa, Bil. 7/2020

# 5

## AMALAN DIET SEIMBANG



DR RIZAL ABU BAKAR

#neuroversiti #DrRizal#OCOC